



LEMBAGA JURUKUR TANAH
(LAND SURVEYORS BOARD)

[Ditubuhkan di bawah Akta Jurukur Tanah Berlesen, 1958 (Disemak 1991) - Akta 458]

RUJUKAN TUAN:

RUJUKAN KAMI: LJT 6 Jld. 8 / (68)

(SILA NYATAKAN RUJUKAN SURAT KAMI APABILA BERHUBUNG)

ARAS 5 - 7 WISMA LJT
LORONG PERAK
PUSAT BANDAR MELAWATI
53100 KUALA LUMPUR
No. Telefon: 03-41085191
No. Faksimili: 03-41085178
e-mail: secretary@ljt.org.my
laman web: www.ljt.org.my

25 November 2011

Semua Juruukur Tanah Berlesen

Y.Bhg.Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING

LEMBAGA JURUKUR TANAH

BILANGAN 2 TAHUN 2011

PENYENGGARAAN PEJABAT CAWANGAN

Merujuk kepada perkara di atas, dimaklumkan Peraturan-Peraturan Juruukur Tanah Berlesen 2011, Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 (P.U(A) 311/2011) yang telah diwartakan pada 30 September 2011 dan berkuatkuasa mulai 1 Oktober 2011 telah menetapkan peraturan berhubung dengan penyenggaraan pejabat cawangan oleh seorang Juruukur Tanah Berlesen.

2. Peraturan 10 telah menjelaskan bahawa jika seorang Juruukur Tanah Berlesen yang beramal atas nama sesuatu firma menyenggara suatu pejabat

cawangan, pejabat tersebut hendaklah beroperasi atas nama firma itu dan hendaklah diuruskan secara berterusan oleh seorang Juruukur Tanah Berlesen. Mana-mana pejabat cawangan yang tidak mematuhi syarat berkenaan hendaklah ditutup dalam tempoh enam bulan dari tarikh pelaksanaan Peraturan-Peraturan Juruukur Tanah Berlesen 2011 seperti yang termaklum.

3. Sehubungan dengan itu, Juruukur Tanah Berlesen yang menyenggara pejabat cawangan tanpa Juruukur Tanah Berlesen yang menguruskannya diminta mengambil tindakan sewajarnya. Lembaga akan menguatkuasakan arahan ini selepas enam bulan dari tarikh pelaksanaan dan pemakaian Peraturan-Peraturan Juruukur Tanah Berlesen 2011 iaitu mulai pada 1 Oktober 2011.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(Sr ABU HAMID BIN SELAMAT)
Setiausaha
Lembaga Jurukur Tanah
Malaysia

Salinan Kepada:

Pengerusi Lembaga Jurukur Tanah
Timbalan Pengerusi Lembaga Jurukur Tanah

Edaran Luaran:

Presiden,
Persatuan Juruukur Tanah